



V.I.P

Wan Nor Zaidah

B.A. Bahasa Arab & Komunikasi,
Universiti Sains Islam Malaysia



JANGAN TUNGGU TUA

RANGLAH MASA MUDA. USIA KITA TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN KITA. SIBUKKAN DIRI DENGAN PELBAGAI AKTIVITI YANG BERMANFAAT. BANYAK TOKOH MUDA YANG MENJADI SEBUTAN DAN IKUTAN HARI INI KERANA KESUNGGUHAN DAN KESEDARAN MEREKA MENJADI YANG MENJADI LUAR BIASA SEMASA MUDA LAGI!

Umur berapa? Laa, muda lagi kot. Relaksa dulu, sis. Tak puas enjoy lagi ni, bro!"
Sedar atau tidak, masih ramai yang hidup dengan falsafah ini. 'Masa muda' dijadikan alasan untuk membiarkan diri bertanggung-tanggung dalam banyak perkara kebaikan. Padahal bukankah kerja keras masa muda ini perlu untuk kehidupan semasa tua kelak? Jika sayang diri, mana mungkin persia masa ini.

Kerja keras yang perlu kita dirikan bukan untuk membina kehidupan, sebaliknya untuk membina diri terlebih dahulu sebenarnya. Nah, pembinaan diri itulah permulaan pembinaan kehidupan.

JANGAN TUNGGU TUA

Ibn Umar menyebut: "Jika kamu berada pada waktu petang, jangan menunggu waktu pagi. Jika kamu berada pada waktu pagi, jangan menunggu waktu petang." Begitulah. Jika masih muda, jangan tunggu usia senja.

Rancanglah masa muda. Usia kita tanggungjawab dan peranan kita. Sibukkan diri dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat. Banyak tokoh muda yang menjadi sebutan dan ikutan hari ini kerana kesungguhan dan kesedaran mereka menjadi yang menjadi luar biasa semasa muda lagi!

Muhammad al-Fateh yang menakluk Konstantinopel sewaktu berusia 21 tahun lagi telah mencabar

dirinya sendiri untuk menjadi pemuda yang bukan biasa-biasa, bahkan tidak pula merasakan dirinya tidak mampu.

Ilmu merupakan salah satu cara dan usaha untuk membina diri dan merancang masa tua kelak. Itu tidak dinafikan. Pepatah Arab menyatakan: "Menuntut ilmu pada waktu muda sama seperti ukiran yang dibentuk di atas batu, sementara menuntut ilmu pada waktu tua seperti ukiran yang dibentuk di atas air."

Sungguh, terlalu banyak saranan yang menggalakkan kita untuk mendampingi ilmu semasa muda. Hal ini kerana menurut Ibn Abbas: "Tidaklah Allah memberikan ilmu kepada seseorang melainkan pada masa mudanya. Seluruh kebaikan dimiliki oleh para pemuda."

Target VIP:
Merancang masa tua dengan membina masa muda.

'MEWAJIBKAN DIRI'

Wahai pemuda dan pemudi, tidak salah 'mewajibkan diri' untuk menjadi lebih berusia. Tetapkan matlamat dan mulakan tindakan. Bagaimana? Ya, jadilah seperti yang sudah berusia meskipun masih muda.

Lihatlah peribadi mereka. Diam mereka, diam-diam berisi. Jadilah yang begitu. Berisi dengan ilmu, pengalaman dan nasihat. Bahkan serba boleh dalam banyak hal. Kaya kawan dan mewah ibadah pula. Masa mereka juga emas! Tiada lagi lengah-lengah kerana tahu dan sedar akan perubahan kudrat dan limitasi diri. Namun, tubuh yang lemah bukan penyebab semangat dan jiwa turut menjadi tua.

Anak muda tidak pernah dihalang untuk berbuat sesuatu yang berada di luar usianya. Tidak pula sesekali disekat untuk menjadi seperti yang dewasa. Pergilah berkawan dengan lebih ramai kawan. Pergilah berteman dengan orang tua. Luaskan pengaruh diri. Ini untuk masa hadapan.

Rasulullah s.a.w. sendiri bersabda: "Dua kaki anak Adam tidak akan berganjak sehingga dia ditanya tentang empat perkara; Tentang usia, bagaimana dihabiskannya, tentang masa mudanya, untuk apa digunakan, tentang hartanya, dari mana sumber dan bagaimana dibelanjakannya dan tentang ilmu, apa yang dilakukan dengan ilmunya." (Riwayat al-Tirmizi)
Benar, masa depan bukan dalam ketentuan dan kekuasaan kita, tetapi doa dan perancangan itu tetap perlu ada. Kerana itu kita perlu bersedia sekarang, bukannya nanti. Semoga masa muda kita tidak lagi sia-sia. Ingatlah kehidupan bukan untuk cuba-cuba. Hidup ini penting kerana adanya kehidupan di sana nanti. **Q**

Refleksi VIP

PELAN PEMBINAAN DIRI

Dengan ilmu, kita sudah selangkah membina diri dan merancang kehidupan tua. Apa yang telah kita taruhkan untuk masa tua? Bagaimana persiapan ilmu masa tua kita?

- 1 Berkongsi post berilmiah di laman sosial setiap hari.
- 2 Membaca sekurang-kurangnya dua buah buku sebulan.
- 3 Mentadabur al-Quran sekurang-kurangnya dua helai muka surat dalam seminggu.
- 4 Menghafal dua buah hadis dalam seminggu.
- 5 Menghadiri kuliah dan kelas agama dua kali sebulan.
- 6 Mendengar ceramah agama di Youtube secara berkala.

Ini sekadar contoh. Rancanglah mengikut kemampuan agar graf ilmu kita selalu meningkat.

Doa VIP:

Doa Mohon Kelapangan Hidup

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ ضَيْقِ الدُّنْيَا
وَضَيْقِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksud: "Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindungan-Mu daripada kesempitan dunia dan kesempitan hari kiamat." (Riwayat Abu Dawud)